

**KAJIAN PERBANDINGAN RUMAH TRADISIONAL MELANAU  
DI KAMPUNG BUDAYA, KUCHING DAN  
DI KAMPUNG SOK, MATU, MUKAH.**

FYP FTKW

**RABI'ATUL' NADZIRAH BINTI MOHAMAD RANI**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN PERBANDINGAN RUMAH TRADISIONAL MELANAU  
DI KAMPUNG BUDAYA, KUCHING DAN  
DI KAMPUNG SOK, MATU, MUKAH.**

OLEH :

**RABI'ATUL' NADZIRAH BINTI MOHAMAD RANI  
C20A1595**

Projek penyelidikan ini dilakukan untuk memenuhi syarat bagi Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2023**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyeli

Nama Pelajar:  
RABI'ATUL' NADZIRAH BINTI  
MOHAMAD RANI  
No. Kad Pengenalan:  
001017-13-1176  
Tarikh:  
15 Februari 2024

Nama Penyelia:  
Tarikh:

## PERAKUAN

Projek bertajuk “Kajian Perbandingan Rumah Tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching dan di Kampung Sok, Matu, Mukah” telah disediakan oleh **(RABI'ATUL' NADZIRAH BINTI MOHAMAD RANI)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian **(Konservasi Warisan)**.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin dan kurniaanNya, saya telah berjaya dalam menghasilkan penulisan kajian saya dengan baik. Sekalung apresiasi diucapkan kepada pensyarah yang bertindak sebagai penyelia subjek Projek Penyelidikan iaitu Cik Noridayu Binti Bakry serta Puan Farrah Atikah Binti Saari dan Encik Sahrudin Bin Mohamed Som kerana banyak memberi tunjuk ajar, teguran, pembedaan dan maklum balas dalam melaksanakan penulisan kajian saya. Tanpa bimbingan mereka, mustahil bagi saya untuk menyempurnakan penulisan kajian saya.

Seterusnya, tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dari segi emosi, jasmani dan kewangan. Segala sokongan tersebut telah memberi semangat kepada saya untuk menyelesaikan penulisan kajian ini. Melalui bantuan dan kerjasama mereka, saya sedikit sebanyak memahami erti kerjasama dan saling menolong antara satu sama lain untuk menyiapkan tugas masing-masing. Akhir sekali, ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjalankan penulisan kajian saya.

**Kajian Perbandingan Rumah Tradisional Melanau Di Kampung Budaya,  
Kuching dan Di Kampung Sok, Matu, Mukah.**

**ABSTRAK**

Projek penyelidikan ini adalah mengenai “Kajian Perbandingan Rumah Tradisional Melanau Di Kampung Budaya, Kuching dan Di Kampung Sok, Matu, Mukah”. Memandangkan etnik Melanau merupakan salah satu etnik terbesar di Sarawak, pembinaan sebuah replika rumah tradisional Melanau di Sarawak dapat mempamerkan keunikan identiti etnik Melanau di samping aspek budaya dan persekitaran kehidupan. Terdapat tiga objektif yang dinyatakan dalam kajian ini iaitu mengenal pasti ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah, Sarawak, mengenal pasti ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak dan menganalisis perbandingan senibina yang diperolehi antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah dengan replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian rumah tradisional Melanau ini.

## SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1 - 5
1.3 Permasalahan Kajian	6 - 8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Skop Kajian	9 - 12
1.7 Kepentingan Kajian	13 - 14
1.8 Bahagian Etimologi	15 - 16
1.9 Rumusan	17
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>
2.1 Pengenalan	18
2.2 Masyarakat di Kawasan Kajian	18 - 20
2.3 Rumah Tradisional Melanau	20 - 21
2.4 Kampung Budaya Sarawak	21 - 23
2.5 Kampung Sok, Matu, Mukah	23 - 25
2.6 Rumusan	25
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>
3.1 Pengenalan	26
3.2 Reka Bentuk Kajian	26 - 27
3.3 Proses Pengumpulan Data	27 - 29
3.4 Instrumen Kajian	30 - 31
3.5 Rumusan	31

<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	4.1 Pengenalan	32
	4.2 Mengenal pasti ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah, Sarawak.	33 - 40
	4.3 Mengenal pasti ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak.	40 - 48
	4.4 Menganalisis perbandingan senibina yang diperolehi antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah dengan replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching.	49 - 52
	4.5 Rumusan	52
<b>BAB 5</b>	<b>CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN</b>	
	5.1 Pengenalan	53
	5.2 Cadangan Pemeliharaan	53 - 54
	5.3 Cadangan untuk Kajian Akan Datang	54
	5.4 Rumusan	55
<b>RUJUKAN</b>		56 -58



**SENARAI RAJAH**

NO.		HALAMAN
1.1	Muzium hidup Kampung Budaya Sarawak	1
1.2	Kampung Sok, Matu, Mukah	3
1.3	Rumah Melanau di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak	5
1.4	Rumah Panjang Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah, Sarawak	6
1.5	Peta lokasi dan jarak dari pusat bandar Kuching ke Kampung Budaya	11
1.6	Peta lokasi dan jarak dari tempat kediaman pengkaji ke Kampung Sok, Matu, Mukah	12
4.2.1	Pandangan dari hadapan bawah Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok	34
4.2.2	Lantai Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah	35
4.2.3	Tangga Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah	36
4.2.4	Kayu belian yang masih dikekalkan dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah	37
4.2.5	Kayu balau dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah	37
4.2.6	Bahagian rumah yang masih digunakan dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah	38
4.2.7	Bahagian rumah yang tidak lagi digunakan dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah	39
4.2.8	Antara bilik yang terdapat dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah	40

4.3.1	Pandangan dari sisi bawah Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya, Sarawak	41
4.3.2	Pandangan atas lantai beranda Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	42
4.3.3	Pandangan atas lantai bahagian dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	43
4.3.4	Tangga Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	44
4.3.5	Tiang kayu belian pada Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	45
4.3.6	Tiang kayu nibong pada Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	45
4.3.7	Ruang berkumpul atau ruai dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	46
4.3.8	Ruang ritual dan penyembahan dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	47
4.3.9	Bilik yang terdapat dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya	48

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Wilayah Sarawak merupakan negeri terbesar antara 13 buah negeri di seluruh Malaysia. Sarawak juga suatu wilayah di mana pertembungan antara kaum berlaku secara harmoni. Melalui bab pertama ini, pengkaji akan menerangkan perkara mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, bahagian etimologi serta rumusan bab pertama ini. Perkara-perkara ini akan diterangkan terlebih dahulu bagi memberi pendedahan awal kepada para pembaca kajian.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sarawak yang dikenali sebagai “bumi kenyalang” dan sinonim dengan burung enggang ini merupakan sebuah negeri terbesar di Malaysia. Dalam negeri tersebut, terdapat pelbagai jenis kaum yang tinggal bersama-sama secara harmoni. Antara kaum yang terdapat di Sarawak ialah Melayu, Cina Iban, Bidayuh, Melanau dan Penan. Melalui himpunan kaum ini, Sarawak mempunyai banyak jenis bangunan tradisional yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

Kaum yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah kaum Melanau. Kaum Melanau merupakan salah satu kaum yang sudah lama wujud di Sarawak. Satu contoh wujudnya kaum Melanau di Sarawak ialah melalui sejarah tokoh Sarawak iaitu Sharif Masahor. Hal ini demikian kerana Sharif Masahor merupakan seorang pembesar Sarikei yang sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat terutama sekali masyarakat Melanau di Sungai Rajang.

Masyarakat Melanau juga mempunyai signifikansi di Sarawak dari segi budaya dan sejarah. Kaum ini juga merupakan kumpulan kaum yang terbesar di Sarawak yang telah memeluk Islam. Sebelum memeluk Islam, masyarakat Melanau kaya dengan adat dan ritual tradisional yang mencerminkan warisan budaya mereka pada suatu ketika dahulu. Adat dan ritual ini termasuklah tradisi perkahwinan, adat resam, pelbagai upacara dan amalan perubatan.

Memandangkan rumah tradisional setiap kaum mengalami arus pemodenan, ada yang berubah mengikut peredaran zaman dan ada yang ditinggalkan atau terbiar atas alasan tidak mampu untuk menjaga. Oleh itu, sebuah muzium hidup telah dibina di Kuching, Sarawak. Muzium hidup merupakan sebuah muzium yang membawa sejarah hidup melalui simulasi tempoh masa tertentu.

Kampung Budaya atau juga dikenali sebagai “*Sarawak Cultural Village*” dalam kalangan pengunjung asing merupakan sebuah muzium hidup yang terletak di kaki Kuching, Sarawak. Muzium tersebut dibina dengan keluasan yang sangat besar bagi menempatkan pelbagai bangunan terutama sekali rumah-rumah tradisional yang menjadi tarikan utama di Kampung Budaya. Contohnya, terdapat pelbagai replika rumah tradisional khususnya etnik-etnik yang terdapat di Sarawak dibina dalam perkarangan muzium hidup tersebut. Ini termasuklah Rumah Tradisional Tinggi Melanau.

Walaupun replika rumah tradisional di muzium hidup ini dibina mengikut ketepatan senibina masyarakat terdahulu, muncul keraguan terhadap keaslian senibina replika rumah tradisional yang terdapat di Kampung Budaya. Keraguan yang telah disuarakan ini berpunca daripada bentuk senibina rumah etnik Melanau yang kini lain daripada senibina pada masa yang lalu. Tambahan pula, banyak pengunjung

membezakan senibina replika tersebut dengan Rumah Panjang Melanau Sok yang terdapat di Kampung Sok, Matu, Mukah.



**Rajah 1.1** : Muzium hidup Kampung Budaya Sarawak

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)

Selain daripada Kampung Budaya, terdapat sebuah kampung yang masih mempunyai sebuah rumah tradisional Melanau berdiri dalam kampung mereka. Kampung yang disebutkan ini ialah Kampung Sok, Matu Mukah. Di kampung ini, rumah tradisional Melanau tersebut telah wujud dan dibina sejak tahun 1872. Sehingga kini, rumah tersebut masih dijaga oleh penghuni asal rumah yang memasuki keturunan yang ketujuh.



**Rajah 1.2** : Kampung Sok, Matu, Mukah

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)

Rumah Panjang Melanau Sok merupakan salah satu rumah tradisional Melanau yang masih lagi dijaga. Rumah tradisional tersebut mempunyai beberapa perbezaan yang ketara dalam senibinanya dengan replika yang telah dibina di Kampung Budaya. Hal ini demikian kerana pelbagai usaha telah dilakukan bagi memelihara rumah tersebut. Keadaan tersebut membawa kepada penambahan dan perubahan dari segi senibina rumah tradisional tersebut. Dalam erti kata lain, hilang ketulenan asal dalam pembinaannya. Oleh itu, usaha bagi mendapatkan maklumat lain mengenai senibina rumah tradisional Melanau adalah terhad.

Sehubungan dengan itu, rumah tradisional di Kampung Sok telah dijadikan salah satu rujukan utama dalam kajian ini. Hal ini berpunca daripada masyarakat etnik Melanau yang kini tidak lagi membina rumah mereka seperti replika yang terdapat di Kampung Budaya, Kuching serta rumah panjang Melanau yang ada di Kampung Sok, Matu. Oleh kerana itu, sejarah mengenai pembinaan reka bentuk rumah tradisional

Melanau ini kian dilupakan dan sering berubah-berubah mengikut kesesuaian zaman dan persekitaran. Selaras dengan itu, usaha adalah perlu untuk meningkatkan kesedaran terhadap pembinaan rumah tradisional Melanau dengan menjadikan 2 buah rumah tradisional Melanau yang telah disebut tadi sebagai rujukan di samping membandingkan kedua-dua rumah tradisional tersebut.

Secara ringkasnya, kajian yang dijalankan ini akan berfokuskan pada 2 buah rumah tradisional Melanau yang masih wujud iaitu replika rumah tradisional Melanau yang terdapat di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak dan rumah panjang tradisional Melanau yang ada di Sarawak khususnya di Matu, Mukah. Dalam mengkaji ciri-ciri senibina asal rumah tradisional Melanau yang terdapat di Matu, Mukah serta ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, pengkaji juga akan menganalisis perbezaan dan persamaan senibina antara kedua-dua rumah tradisional sedia ada dan replika tersebut.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Dalam usaha untuk menyelidik tajuk kajian yang dipilih, terdapat beberapa permasalahan kajian yang akan difokuskan dalam bahagian ini:

#### **1.3.1 Kekurangan maklumat mengenai proses pembinaan serta bahan yang digunakan dalam membina rumah tradisional Melanau yang asal**

Rumah tradisional Melanau merupakan salah satu bukti keistimewaan Sarawak yang telah didiami oleh pelbagai etnik. Namun begitu, proses pembinaannya semakin dilupakan di samping maklumat mengenai pembinaan dan bahan binaan hanya didapati melalui bualan dari mulut ke mulut.

Menurut Suhaili Abdullah dalam sebuah laporan Malaysia Aktif dalam talian oleh Mohamad Farid Izwan Drahman (2021), kerja-kerja renovasi dan baikpulih hanya dapat dilakukan oleh penghuni rumah tradisional tersebut sahaja. Hal ini demikian kerana penduduk risau akan musibah yang mungkin melanda jika mereka melanggar sebarang peraturan mengenai kerja-kerja membaikpulih rumah tersebut. Oleh itu, sebuah penulisan manual mengenai kerja pembinaan dan bahan yang digunakan adalah penting agar masyarakat pada masa yang akan datang terutama sekali waris rumah tersebut dapat mengetahui cara pembinaan dan bahan-bahan yang diperlukan bagi memulih kembali keunikan rumah tradisional tersebut.



### 1.3.2 Perbezaan yang ketara antara replika dengan yang sedia ada

Rumah tradisional Melanau yang sedia ada di Kampung Sok mempunyai beberapa perkara yang sama dengan replika rumah tradisional Melanau yang terdapat di Kampung Budaya. Namun begitu, terdapat juga beberapa perkara lain yang jelasnya berbeza.

Antara perkara tersebut adalah seperti jumlah penggunaan kayu bagi proses pembinaan replika rumah tradisional dengan rumah tradisional Melanau yang sedia ada. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh beberapa aspek seperti kewangan dan bahan binaan yang mudah didapati.

Tambahan pula, perbezaan paling ketara antara kedua-dua rumah tersebut ialah rumah tradisional di Kampung Sok adalah panjang. Manakala rumah tradisional di Kampung Budaya pula adalah tinggi. Seperti yang dinyatakan dalam sebuah catatan sesawang Melanau Borneo (2016), perbezaan ini berlaku kerana generasi terdahulu yang berpindah ke kawasan Kampung Sok kebanyakannya beretnik Iban menyebabkan struktur rumah tradisional tersebut mempunyai gabungan antara etnik Melanau dan etnik Iban.

### **1.3.3 Kurangnya pemeliharaan rumah tradisional Melanau di Sarawak untuk dijadikan rujukan.**

Melalui artikel Utusan Borneo atas talian (2019), hanya terdapat sebuah kampung sahaja yang masih mengekalkan dan menjaga keadaan rumah tradisional Melanau mereka yang telah dibina berdekad dahulu. Hal ini secara tidak langsung menyekat kemampuan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang banyak kerana pendapatan maklumat adalah terhad.

Tambahan pula, ketiadaan rumah tradisional Melanau yang lain menghalang pengkaji dan masyarakat lain untuk mengenal dan memahami warisan etnik Melanau. Hal ini kerana rumah adalah salah satu cara untuk memberi gambaran identiti warisan serta gaya hidup lampau masyarakat Melanau kepada khalayak ramai.

## **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan isu dan masalah yang dibincangkan, kajian ini telah menerbitkan tiga persoalan utama iaitu :

- a) Apakah ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah, Sarawak.
- b) Apakah ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak.
- c) Apakah perbandingan senibina yang diperolehi antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah dengan replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching.


### **1.5 Objektif Kajian**

Berdasarkan persoalan yang telah disenaraikan, kajian ini akan berfokuskan pada tiga objektif utama iaitu :

- a) Mengenal pasti ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah, Sarawak.
- b) Mengenal pasti ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak.
- c) Menganalisis perbandingan senibina yang diperolehi antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah dengan replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching.

### **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ialah batasan kajian yang diwujudkan agar pengkaji tidak melibatkan perkara yang tidak relevan. Keadaan ini membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan fokus utama adalah pada objektif kajian. Selain itu, batasan kajian juga merupakan halangan yang dihadapi dalam menjalankan kajian ini.



**Rajah 1.5** : Peta lokasi dan jarak dari pusat bandar Kuching ke Kampung Budaya  
(Sumber : Google Maps.

<https://www.google.com/maps/dir/Kuching,+Sarawak/Kampung+Budaya+Sarawak,+93010+Kuching,+Sarawak/>)

Kajian yang dijalankan ini akan berfokus pada replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak. Bagi memperolehi dapatan kajian, pengkaji perlu melakukan kerja lapangan ke muzium hidup berkenaan. Muzium tersebut terletak di Kampung Budaya iaitu sejauh hampir 32 kilometer dari pusat bandar Kuching. Seterusnya, pengkaji perlu memerhati serta mencatat bahan-bahan yang digunakan dalam proses pembinaan di samping menganalisis fungsi setiap aspek dalam pembinaan replika tersebut serta ciri-ciri reka bentuk replika rumah tradisional Melanau tersebut .



**Rajah 1.6** : Peta lokasi dan jarak dari pusat bandar Mukah ke Kampung Sok, Matu, Mukah.

(Sumber : Google Maps.

<https://www.google.com/maps/search/jarak+antara+mukah+dengan+kampung+sok/>)

Selain itu, pengkaji juga akan fokus pada ciri-ciri senibina asal rumah tradisional Melanau yang terdapat di Kampung Sok. Hanya di kampung tersebut sahaja yang masih mempunyai bangunan rumah tradisional Melanau. Oleh itu, pengkaji perlu mengunjungi sendiri kampung tersebut untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan bahan yang digunakan dalam proses pembinaan. Jarak dari bandar utama, Mukah ke Kampung Sok ialah 110 kilometer iaitu mengambil masa lebih kurang 1 jam 15 minit atau lebih. Hal ini demikian kerana bagi mengunjungi Kampung Sok dari Mukah, pengkaji perlu menggunakan perkhidmatan feri memandangkan kawasan tersebut masih belum terbinanya jambatan. Selain itu, fungsi setiap aspek dalam pembinaan rumah tradisional tersebut juga turut diperhatikan.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji perlu mengunjungi sendiri 2 lokasi tersebut bagi mengumpul dapatan kajian yang diperlukan. Namun begitu, terdapat kemungkinan besar bahawa pengkaji tidak mampu untuk mengunjungi lokasi lebih daripada sekali. Hal ini demikian kerana pengkaji menetap sedikit jauh daripada 2 lokasi kajian tersebut. Namun begitu, batasan ini boleh diatasi jika pengkaji dapat memperoleh hasil kajian melalui satu kunjungan sahaja.

Ini bermakna pengkaji perlu mencatat dan menentukan sebarang perbezaan dan persamaan ketara serta tidak ketara dari segi senibina antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok dengan replika yang terdapat di Kampung Budaya.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa aspek kepentingan dalam kajian ini terhadap senibina rumah tradisional Melanau iaitu dari segi masyarakat, sejarah dan negeri.

### **1.7.1 Masyarakat**

Kajian ini sangat penting kepada masyarakat terutama sekali kepada masyarakat etnik Melanau di Sarawak. Hal ini demikian kerana seni bina kebanyakan rumah tradisional Melanau yang terdapat dalam negeri pada masa kini lain daripada seni bina yang lalu dan hampir sama dengan seni bina rumah Melayu. Sebagai contoh, kebanyakan rumah yang didiami oleh masyarakat etnik Melanau dibina seperti rumah tradisional Melayu. Seseengah pula dibina lebih moden dengan menggunakan batu bata dan besi.

Tambahan pula, harga kayu untuk membuat rumah tradisional adalah lebih mahal daripada batu bata. Di samping itu, rumah tradisional kini dibina tanpa fungsi asal pembinaan rumah tradisional tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenali dan menjaga keunikan rumah tradisional yang asal serta memberi peluang kepada generasi muda mendapatkan pengalaman untuk melihat dan berada dalam rumah tradisional.

### 1.7.2 Sejarah

Kepentingan kajian yang seterusnya adalah dari segi sejarah atau fungsi pembinaan dalam seni bina rumah tradisional Melanau. Pengkaji akan menjelaskan sebab-sebab rumah tradisional tersebut di bina sedemikian pada masa lalu dan membandingkan pembinaan rumah tersebut dengan seni bina pada masa kini.

Hal ini dapat memberi kesedaran dan gambaran kepada masyarakat kita terhadap perkara yang perlu dihadapi oleh masyarakat zaman dahulu kala. Tambahan pula, pengetahuan mengenai seni bina yang lalu dapat membantu masyarakat untuk mengenal pasti bahagian-bahagian seni bina yang mengalami perubahan atas sebab-sebab tertentu.

### 1.7.3 Negeri

Selain daripada itu, kepentingan terhadap usaha pihak kerajaan dalam memelihara rumah tradisional untuk kebaikan negeri. Jika pihak kerajaan bersama-sama untuk menjaga keunikan rumah tradisional di muzium hidup tersebut serta di Kampung Sok, masyarakat tempatan terutama sekali para pelancong dapat turut sama menikmati estetika rumah tradisional. Di samping itu, daya tarikan yang ada pada muzium hidup itu dan juga pada rumah tradisional di Kampung Sok dapat membantu meningkatkan kemasukan pelancong asing mahupun domestik ke negeri Sarawak.

Tambahan pula, jika kerajaan memberi pendedahan lebih kepada rumah tradisional Melanau yang terdapat di Kampung Sok, kawasan di kampung tersebut meningkatkan pembangunan tempatan memandangkan kawasan di sekitar kampung tersebut masih lagi kurang dari segi pembangunan.



## **1.8 Bahagian Etimologi**

Etimologi berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat ialah suatu cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal usul dan perkembangan sesuatu kata. Pada bahagian ini, pengkaji akan menyenaraikan beberapa perkataan bersertakan definisi bagi setiap perkataan yang merupakan kata kunci bagi kajian ini. Terdapat tiga kata kunci yang pengkaji senaraikan bagi memudahkan pemahaman dalam melaksanakan kajian ini. Tiga kata kunci tersebut ialah seni bina, rumah tradisional dan muzium hidup.

### **1.8.1 Konsep Seni Bina**

Seni bina menurut Kamus Dewan Edisi Keempat merupakan suatu seni atau ilmu merancang, mereka bentuk dan membina bangunan. Dalam erti kata lain, seni bina ialah gaya sebuah bangunan yang dibina dan dapat dikhususkan melalui zaman atau tempat tertentu. Dari segi sejarah, senibina dapat diistilahkan sebagai salah satu kesenian dalam mereka bentuk sesebuah bangunan termasuk gaya rupa sesuatu bangunan (Oxford Dictionary, 2022).

Setiap bangunan mempunyai seni bina yang mempunyai signifikansi mereka sendiri. Contohnya, rumah tradisional Melayu seringkali dikaitkan dengan siling yang tinggi, beranda di bahagian depan rumah dan bukaan yang besar. Manakala untuk rumah tradisional Cina pula senibinanya mementingkan konsep simetri atau seimbang.

### **1.8.2 Konsep Rumah Tradisional**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, rumah ialah sebuah bangunan yang bertujuan sebagai tempat tinggal seorang individu mahupun sekumpulan individu. Tradisional pula bermaksud sesuatu yang berkaitan atau bersifat

tardisi iaitu cara hidup lama yang diturun-temurunkan. Pendek kata, rumah tradisional merupakan sebuah rumah kediaman yang sering dikaitkan dengan suatu kaum atau masyarakat (2014).

Ini bermakna, rumah tradisional membawa maksud sebuah tempat tinggal yang mempunyai ciri yang telah diwarisi dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Sebagai contoh, terdapat pelbagai jenis rumah tradisional yang wujud di Malaysia kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum. Contohnya, tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India mempunyai rumah tradisional masing-masing.

### **1.8.3 Konsep Muzium Hidup**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, muzium membawa erti sebuah bangunan tempat menyimpan, memelihara, mengkaji atau mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah seni, saintifik dan sebagainya. Manakala, hidup pula merujuk kepada perkara yang aktif, giat dan bernyawa.

Dalam erti kata lain, muzium hidup dalam konteks ini ialah sebuah bangunan yang mempunyai konsep sejarah yang dibangunkan melalui penulisan semula atau membentuk semula suasana sejarah pada masa lalu dengan mempamerkan objek warisan di samping memperagakan pakaian tradisional dan persembahan.

## 1.9 Rumusan

Maklumat mengenai rumah tradisional Melanau di Sarawak perlu dikumpul dan disusun dalam sebuah jurnal agar perkara-perkara mengenai senibina dan pembinaannya masih wujud sebagai sebuah rujukan pada masa yang akan datang. Melalui kajian ini, pengkaji berharap agar ia dapat memberi semangat kepada masyarakat kini dan yang akan datang untuk terus memelihara keadaan rumah tradisional yang masih berdiri teguh di kawasan masing-masing. Sejarah mengenai pembinaan rumah tradisional ini perlu dihayati dan difahami tujuan pembinaannya yang sedemikian.

Meskipun senibina rumah tradisional Melanau ini mengalami perubahan dan menyebabkan masyarakat mempersoalkan ketulenan senibina rumah tersebut, kajian ini dapat membantu dengan menjelaskan perkara yang telah ditambah dan diubah. Pengkaji juga akan menjelaskan aspek-aspek yang telah diubah dengan menggunakan kaedah seperti kaedah lapangan bagi memerhati dan memahami perubahan yang telah dilakukan. Justeru, tindakan ini dapat membuktikan bahawa kewujudan warisan budaya tanpa ditelan sepenuhnya oleh peredaran zaman.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan perkara berkaitan dengan sorotan kajian lepas melalui beberapa kata kunci yang terdapat dalam tajuk pengkaji. Hal ini bagi membantu pengkaji untuk mengembangkan idea mengenai kajian yang sedang dijalankan. Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji akan membincangkan perkara berkenaan masyarakat di kawasan kajian, rumah tradisional Melanau, Kampung Budaya Sarawak dan Kampung Sok, Matu, Mukah.

#### **2.2 Masyarakat di Kawasan Kajian**

Malaysia terutama sekali di Sarawak mempunyai pelbagai etnik. Negeri ini merupakan sebuah penempatan kepada lebih daripada 40 kumpulan etnik yang berbeza latar belakang. Kepelbagaian inilah yang menjadikan Sarawak unik dan kaya dengan budaya, warisan dan tradisi. Berikut merupakan kumpulan etnik yang terdapat di sekitar salah satu kawasan kajian iaitu di Kampung Sok, Matu.

##### **2.2.1 Etnik Melanau**

Etnik Melanau atau juga dikenali sebagai Likau ini merupakan salah satu etnik asli yang ada di Sarawak. Masyarakat ini dipercayai merupakan salah satu pribumi terawal yang menduduki Sarawak. Kawasan penempatan masyarakat Melanau ini biasanya berada di kawasan persisiran pantai ataupun di lembah sungai. Antara kawasan yang sering dikaitkan dengan masyarakat Melanau ialah Sungai Rajang, Daro, Dalat Oya, Bintulu dan Mukah.

Melalui sebuah kajian daripada Siti Aishah Binti Mohd Iznan iaitu “Kajian Budaya Benda Masyarakat Melanau: Nilai Kebolehpasaran Belum Sebagai Cenderahati”, perkataan Melanau telah digunakan sejak dahulu kala lagi secara meluas bagi merujuk kepada sekelompok masyarakat yang menduduki utara Borneo dan barat daya Brunei. Salah satu buktinya dapat dilihat melalui penulisan perkataan “Malano” pada sebuah peta terbitan Itali yang bertarikh tahun 1595. Perkataan tersebut ditulis pada sepanjang persisiran pantai terletaknya Mukah, Sungai Oya dan Balingian. Di samping itu, kajian ini juga menyatakan bahawa Charles Brooke(1866) menggambarkan kaum Melanau sebagai suku kaum yang ramai dan luas berbanding dengan kaum lain seperti Dayak kerana etnik Melanau telah memenuhi sebahagian besar tengah Kepulauan Borneo.

### **2.2.2 Etnik Iban**

Etnik Iban ialah salah satu kumpulan etnik yang berasal dari Kepulauan Borneo. Etnik ini juga dikenali sebagai “Sea Dayak”. Masyarakat Iban juga merupakan pribumi terawal yang menduduki Kepulauan Borneo secara umum. Masyarakat etnik yang berasal dari Batang Ai ini mendapat gelarannya daripada pihak British dan Belanda ketika zaman pelayaran dahulu. Gelaran tersebut masih lagi digunakan sehingga kini.

Melalui sebuah kajian iaitu “Bahasa Etnik Iban di Sarawak” oleh Chemaline Anak Osup, Iban suatu ketika dahulu iaitu pada zaman Rajah Brooke merupakan sebuah bahasa perdagangan dalam kalangan orang Iban, Melayu, Bidayuh, Cina serta Orang Ulu. Selain itu, penuturnya juga boleh didapati di luar Sarawak seperti di Sabah, Brunei Darusalam dan Kalimantan.

Tambahan pula, wujud pelbagai dialek yang dapat memberi gambaran kepada masyarakat setempat bagi mengenalpasti latar belakang petempatan masing-masing(Sandin,1967).

## **2.3 Rumah Tradisional Melanau**

Malaysia mempunyai pelbagai jenis rumah tradisional memandangkan masyarakat terdiri daripada pelbagai jenis etnik. Rumah tradisional ini menjadi sebuah identiti bagi suatu etnik. Bagi sub topik ini, pengkaji akan menerangkan ciri-ciri yang telah ditekankan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas dalam sorotan kajian mereka.

### **2.3.1 Ciri-Ciri Rumah Tradisional Melanau**

Menurut sebuah kajian oleh Erwan Ramli iaitu bertajuk “Sejarah dan Keunikkan Rumah Panjang Melanau yang Terakhir di Sarawak”, rumah tradisional Melanau adalah sebuah rumah yang dibina tinggi di muara sungai. Hal ini dianggap menarik kerana ia menunjukkan gambaran kehidupan penduduk masa lampau dalam menjalani kehidupan seharian.

Selain itu, rumah tradisional Melanau juga sangat mementingkan tiang yang akan digunakan dalam pembinaannya. Contohnya, dalam kajian bertajuk “Senibina Tradisional Rumah Panjang Tingi Melanau, Mukah, Sarawak” oleh Azizi Bahauddin dan Dyg Mustika Syaheeda Awg Musadat, tiang-tiangnya dipilih berdasarkan bahan yang tahan lasak dan tahan air. Selanjutnya dalam kajian mereka, batang pokok belian merupakan komponen utama rumah tradisional tersebut oleh kerana ketahanan kayu tersebut terhadap sebarang

elemen yang mampu memusnahkan struktur kayu dalam jangka masa yang pendek.

#### **2.4 Kampung Budaya Sarawak**

Bagi memperkenalkan kaum-kaum yang terdapat di Sarawak, sebuah muzium hidup telah dibina di Kuching, Sarawak. Muzium hidup merupakan sebuah muzium yang membawa sejarah hidup melalui simulasi tempoh masa tertentu. Ini termasuklah membina suatu bentuk replika samada keadaan persekitaran mahupun bangunan, mengumpul barang tradisional di satu tempat serta memperagakan para pekerja dengan pakaian tradisional. Muzium hidup ini memberi kesan yang efektif dalam tafsiran pengalaman sejarah serta mendidik pengunjung tempatan serta antarabangsa berkenaan etnik-etnik yang telah ada di Sarawak berkurun lamanya.

Kampung Budaya atau juga dikenali sebagai “*Sarawak Cultural Village*” merupakan satu organisasi atau sebuah inisiatif untuk melindungi dan mengetengahkan warisan budaya yang terdapat di tanah bumi kenyalang tersebut. Dalam erti kata lain, “muzium hidup” berkenaan merupakan suatu usaha inovatif bertemakan perkampungan khas dan berada kira-kira 2 kilometer dari bandaraya Kuching iaitu terletak di kaki Gunung Santubong di samping berdekatan dengan Pantai Damai, Kuching, Sarawak.

Muzium dengan keluasan 17 ekar ini mengambil masa selama 2 tahun untuk dibina iaitu mula dibina pada tahun 1998 dan siap sepenuhnya pada tahun 2000. Muzium tersebut dibina dengan keluasan tersebut bagi menempatkan pelbagai bangunan terutama sekali rumah-rumah tradisional yang menjadi tarikan utama di Kampung Budaya. Dengan pelbagai jenis aktiviti yang disediakan, organisasi ini telah

dibina bagi mencapai visi warisan budaya iaitu bertaras antarabangsa. Hal ini boleh menjadi titik permulaan pertembungan budaya yang terdapat di negeri Sarawak.

Idea bagi penubuhan organisasi ini teretus kerana terdapat semangat untuk mempamerkan warisan budaya secara langsung dengan melibatkan para pengunjung ke dalam pelbagai jenis aktiviti yang ada di Kampung Budaya. Oleh itu, adalah penting bagi pihak kerajaan terutamanya Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak bagi terus menerajui kemajuan Kampung Budaya agar dapat terus mempromosi dan mengekalkan warisan budaya di negeri Sarawak.

Selain daripada replika pelbagai jenis rumah tradisional, terdapat juga peralatan-peralatan lain yang unik seperti peralatan memasak, peralatan memburu tradisional dan alat muzik yang dipersembahkan cara penggunaannya. Dalam setiap rumah tradisional ini, terdapat beberapa orang kakitangan yang bertindak sebagai pencerita dalam menerangkan cara hidup etnik masing-masing sambil berpakaian tradisional. Mereka ditugaskan untuk menjalankan aktiviti yang telah tersedia seiring dengan etnik masing-masing. Melalui tunjuk ajar para kakitangan, para pengunjung juga mempunyai peluang untuk mencuba sendiri aktiviti-aktiviti yang tersedia di setiap rumah tradisional tersebut.

Kewujudan Kampung Budaya juga dapat membantu dalam menarik para pelancong untuk datang dan merasai sendiri pengalaman unik yang tersedia dalam muzium hidup tersebut. Dalam mengekalkan kadar kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa, Kampung Budaya juga memainkan peranan yang penting sebagai salah satu tarikan utama kepada pelancong yang datang melancong ke Sarawak terutamanya di Kuching. Dalam menarik pelancong-pelancong ini, muzium hidup tersebut juga menggunakan beberapa strategi seperti strategi diskriminasi harga dalam meningkatkan pendapatan muzium serta negeri secara keseluruhan.



Oleh itu, replika-replika rumah tradisional pelbagai etnik ini merupakan salah satu tarikan utama di muzium hidup tersebut di samping persembahan etnik seperti tarian dan demonstrasi aktiviti yang lain. Antara etnik yang mempunyai rumah tradisional dibina di sekitar muzium tersebut ialah etnik Bidayuh, Iban, Orang Ulu, Penan, Melayu, Cina dan Melanau.

Antara sorotan kajian yang mempunyai kajian terhadap Kampung Budaya ialah kajian “Warisan Budaya Ketara : Peranan Kampung Budaya Sarawak”. Kajian yang dihasilkan oleh Nur Auni Ugong dan Blicher Bala (2017) ini membincangkan peranan Kampung Sarawak sebagai satu tempat berhimpunnya pelbagai jenis warisan budaya.

Kajian tersebut juga menyentuh isu-isu seperti usaha pemuliharaan sekitar muzium hidup tersebut agar dapat menjamin persekitaran yang selamat untuk pengunjung. Melalui kajian tersebut, pengkaji merumuskan bahawa Kampung Budaya mempunyai kepentingan lain selain bagi kepentingan warisan seperti kepentingan ekonomi dari segi pelancongan.

## **2.5 Kampung Sok, Matu, Mukah**

Kampung Sok, Matu, Mukah ini terletak 110 kilometer dari pusat bandar Mukah. Di samping itu, Kampung Sok merupakan sebuah perkampungan separa pedalaman dan kebanyakan penduduk di kampung tersebut beretnik Melanau. Di kampung ini, rumah tradisional Melanau tersebut telah wujud dan dibina sejak tahun 1872. Selain itu, rumah tradisional tersebut dipercayai telah dibina sebelum kedatangan agama Islam lagi. Pada masa pembinaan, penduduk yang telah memulakan penempatan di kawasan tersebut mengamalkan kepercayaan animisme, iaitu kepercayaan yang sinonim pada penduduk pada zaman tersebut.

Rumah tradisional Melanau yang ada di Kampung Sok ini di beri nama Rumah Panjang Melanau Sok. Rumah Melanau ini merupakan satu warisan peninggalan generasi terawal kepada masyarakat yang menetap di kampung berkenaan. Oleh kerana keunikannya, Muzium Sarawak telah mengisytiharkan Rumah Panjang Melanau Sok sebagai satu warisan tinggalan yang perlu dipelihara sejak tahun 1987. Walaupun jauh daripada pusat bandar, Kampung Sok kebanyakannya menerima pengunjung tempatan yang melawat kampung tersebut. Oleh hal yang demikian, keadaan tersebut memberi peluang kepada masyarakat tempatan untuk mengenali dan sama-sama menghargai rumah tradisional tersebut.

Menurut penjelasan masyarakat setempat, hanya mereka yang menghuni serta melahirkan anak di rumah tersebut sahaja yang diakui sebagai penduduk asal. Tambahan pula, rumah tersebut merupakan satu-satunya rumah panjang Melanau yang masih teguh berdiri di kampung tersebut. Sekarang, rumah panjang Melanau ini berada dalam proses baik pulih di mana bahagian depan seperti tangga dan beranda sahaja yang telah dibaik pulih.

Bagi topik mengenai Kampung Sok khususnya di Matu, Mukah, terdapat beberapa sorotan kajian mengenai kampung tersebut berserta dengan rumah tradisional yang terdapat di kampung tersebut. Melalui sebuah kajian bertajuk “Evolusi Fizikal Kediaman Komunal Melanau Terakhir di Kampung Sok, Matu, Sarawak, Malaysia” oleh Salfarina Abdul Gapor, Rahmat Moriat, Haris Fadzilah Abd Rahman dan Muhammad Ariff Mat Saruan(2022), Kampung Sok merupakan sebuah kampung yang telah melalui beberapa tempoh asimilasi budaya. Selain itu, kajian tersebut juga menyatakan bahawa mata pencarian utama kebanyakan masyarakat di kampung yang mempunyai populasi kira-kira 400 penduduk tersebut ialah melalui penangkapan ikan dan pertanian terutama sekali pertanian padi dan sagu.

Walaupun bukan lokasi asal tetapi pengkaji akan menyertakan lokasi pusat bandar dan kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan lokasi tersebut. Sebuah kajian yang telah dijalankan oleh Norfazila Ab. Hamid(2016) menyentuh mengenai majoriti varian Melanau yang menduduki Mukah. Melalui kajian yang bertajuk “Varian Melanau Sarawak : Tinjauan di Melanau Mukah” pengkaji kajian tersebut ingin menmbangkitkan pendekatan struktural dalam bahasa Melanau di Mukah di samping memperluaskan korpus ilmu mengenai bahasa varian Melanau tersebut secara keseluruhan.

## **2.6 Rumusan**

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak kajian yang menyentuh hal berkaitan dengan senibina yang telah dijalankan di seluruh Malaysia. Hal ini demikian kerana Malaysia mempunyai kaum yang pelbagai serta sejarah penjajahan oleh pihak British. Keadaan tersebut membawa kepada kepelbagaian bentuk senibina yang terkumpul di setiap sudut Malaysia dengan sejarah mereka masing-masing.

Tambahan pula, pengkaji juga mendapat banyak maklumat serta idea lebih melalui analisis yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas. Hal ini telah memberi pengkaji kepada pemahaman terhadap perkara seperti ciri-ciri senibina yang terdapat pada sesebuah bangunan.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, dan instrumen kajian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi ialah suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Selain itu, metodologi juga merupakan pengetahuan mengenai kajian dalam melaksanakan sesuatu perkara bagi memenuhi objektif yang telah disenaraikan. Menurut “Hornby” (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas topik kajian yang tertentu.

Dalam kajian ini, pengkaji turut menyatakan proses pengumpulan data. Proses pengumpulan data bagi kajian ini sepenuhnya daripada kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ialah analisis daripada pemahaman dan peninjauan terhadap suasana kawasan kajian. Contoh kaedah kualitatif yang akan digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian dalam lapangan kajian serta temubual atau melalui dokumen awam bertulis.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan suatu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam suatu kajian (Kerlinger, 1970). Selain itu, reka bentuk kajian dapat ditentukan oleh objektif kajian yang telah dikenalpasti. Reka bentuk kajian juga dapat dirujuk pada cara pengkaji

mengendalikan kajian dan teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Dalam erti kata lain, reka bentuk kajian dapat mengawal hasil kajian yang mungkin berat sebelah dan seterusnya boleh mengganggu dapatan suatu kajian (McMillan dan Schumacher, 1984).

Seterusnya mengenai reka bentuk kajian, pengkaji hanya akan menggunakan kaedah berbentuk kualitatif. Hal ini demikian kerana reka bentuk kajian tersebut mampu menjawab objektif kajian yang dikenalpasti oleh pengkaji. Kaedah berbentuk kualitatif ini mengandungi data-data yang berbentuk sumber primer dan sumber sekunder. Data-data tersebut kemudiannya akan dianalisis mengikut metodologi yang telah ditetapkan.

### **3.3 Proses Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data adalah suatu cara untuk mendapatkan informasi atau maklumat dalam menjalani kajian lapangan. Menurut Suliman Masri (2005), proses pengumpulan data ialah proses pengumpulan pemboleh ubah dan pengkaji akan menentukan prosedur yang sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan.

Proses pengumpulan data sangat penting agar data yang diperolehi dapat diteliti. Bagi mendapatkan data-data yang diperlukan, terdapat beberapa kaedah yang perlu digunakan iaitu terdiri daripada sumber primer khususnya kaedah kualitatif. Kaedah ini merupakan kaedah yang sering digunakan dalam menjalankan kajian. Kaedah kualitatif memerlukan pengkaji untuk mengumpul data secara terus. Tambahan juga, pengkaji juga menggunakan sumber sekunder yang terdiri daripada dokumen awaam bertulis iaitu data yang dikumpul oleh pengkaji lain.

### 3.3.1 Sumber Primer

Menurut Syed Ismail (2010), sumber primer merupakan maklumat asal, penyelidikan asli dan penemuan baru yang boleh atau tidak boleh diterbitkan. Kebiasaannya, maklumat yang diperoleh akan dikumpul melalui kajian lapangan. Melalui kajian lapangan ini, pengkaji akan menggunakan sumber primer seperti temubual, soal selidik dan pemerhatian (Rohana Yusof, 2005) :

#### a. Temubual

Temubual ialah suatu perbuatan secara lisan antara dua orang atau lebih. Kaedah ini biasanya digunakan bagi mendapatkan maklumat. Menurut Fontana dan Fey (1994), terdapat 3 jenis teknik temubual iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual secara tidak formal.

Bagi kajian ini, pengkaji akan menggunakan 2 teknik temubual iaitu temubual separa berstruktur dan temubual tidak formal. Teknik ini sangat penting untuk dilakukan agar pengkaji boleh mendapatkan sumber yang pasti daripada pihak responden.

#### b. Kajian Lapangan

Bagi kajian lapangan, pengkaji akan melawat ke tapak kajian. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian lapangan untuk melihat sendiri secara fizikal keadaan dan bahan yang digunakan dalam membina rumah tradisional yang ada di Kampung Budaya dan Kampung Sok. Proses ini sangat penting untuk pengkaji dalam

menjalankan kajian kerana kebanyakan maklumat dapat diperolehi melalui pemerhatian secara terus.

### **c. Pemerhatian**

Pemerhatian dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti bahan-bahan yang digunakan dalam membina rumah tradisional. Pengkaji juga dapat memerhati fungsi-fungsi senibina dalam setiap rumah tradisional tersebut. Selain itu, proses pemerhatian membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian secara langsung di samping dapat menerokai muzium hidup dan kampung yang telah disebutkan.

### **3.3.2 Sumber Sekunder**

Menurut Sabitha Marican (2005), sumber sekunder merupakan data-data yang telah dikumpul oleh pengkaji lain. Dalam erti kata lain, sumber sekunder ialah data lepas yang masih lagi relevan dan sesuai bagi menjawab persoalan kajian semasa. Sumber sekunder yang digunakan bagi menjalankan kajian ini ialah dokumen awam bertulis.

#### **a. Dokumen Awam Bertulis/Kajian Kepustakaan**

Dokumen awam bertulis merujuk kepada laporan formal, majalah, artikel, surat khabar dan kajian kepustakaan. Dokumen membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat lain yang relevan dan boleh digunakan dalam kajian yang dilakukan. Namun demikian, maklumat yang didapati biasanya tidak lengkap dan berbeza .

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ialah alat yang akan digunakan ketika menjalankan kajian. Instrumen kajian adalah penting sebagai bukti kepada persoalan kajian yang telah ditentukan. Oleh itu, instrumen kajian merupakan alat milik pengkaji dalam melaksanakan kajian.

#### **3.4.1 Fotografi**

Dapatan kajian daripada hasil fotografi dapat dijadikan sebagai bahan bukti yang asli oleh pengkaji. Gambar yang telah diambil juga oleh pengkaji boleh disertakan ke dalam penulisan kajian sebagai lampiran.

Fotografi juga dapat membantu pengkaji untuk menganalisis sudut-sudut dan bahan-bahan yang digunakan dalam membina rumah tradisional. Fotografi akan diambil melalui kamera telefon pintar pengkaji.

#### **3.4.2 Perakam Video**

Pengkaji juga akan menggunakan telefon pintar pengkaji sebagai perakam video. Rakaman video digunakan bagi merakam proses temubual antara pengkaji dan informen yang terdapat di Kampung Budaya dan Kampung Sok. Instrumen ini juga dapat membantu pengkaji untuk mendengar kembali maklumat-maklumat yang didperolehi jika berlaku keraguan.

#### **3.4.3 Komputer Riba**

Selain daripada fotografi dan perakam video, hasil daripada kajian akan direkodkan secara ringkas dan padat ke dalam komputer riba. Penggunaan komputer riba ini bertujuan untuk menyenaraikan hasil-hasil dapatan kajian



agar segala informasi yang telah didapati boleh diatur secara tersusun oleh pengkaji.

### **3.5 Rumusan**

Kesimpulannya, metodologi kajian adalah proses yang penting dalam melakukan sesebuah kajian. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam menjayakan kajian masing-masing.

Dalam erti kata lain, metodologi kajian membantu pengkaji untuk memahami proses kajian yang akan dibuat melalui rangka yang telah dibuat. Justeru, melalui rangka yang telah diwujudkan, pengkaji dapat mengumpulkan data-data yang diperlukan secara tersusun.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Pada bab ini, pengkaji akan membincangkan analisis terhadap perolehan dapatan kajian iaitu secara menyeluruh dan jelas. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data yang diperlukan untuk kajian ini. Hasil perolehan data kemudiannya akan dikumpulkan mengikut teknik pengumpulan data itu sendiri iaitu menggunakan kaedah primer atau sekunder.

Hasil dapatan kajian telah didapati dengan menjalankan kajian lapangan di kedua-dua lokasi kajian tersebut iaitu di Kampung Budaya Kuching, Sarawak dan Kampung Sok, Matu, Mukah. Selain daripada kaedah pemerhatian terhadap objek kajian melalui kajian lapangan, pengkaji juga telah menemu bual 2 orang informan. Daripada temubual yang telah dijalankan, pengkaji memperoleh data-data seperti ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah, Sarawak dan di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak. Di samping itu, pengkaji juga telah menganalisis perbandingan senibina yang diperolehi antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah dengan replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching.

#### **4.2 Mengenal pasti ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah, Sarawak.**

Terdapat beberapa aspek yang telah dikenal pasti oleh pengkaji dalam mengkaji ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah. Antara aspek yang akan diberi perhatian ialah ketinggian rumah tradisional, penyusunan lantai rumah, tangga, jenis kayu yang digunakan, ruai dan bilangan bilik yang terdapat dalam rumah tradisional tersebut.

Elemen pertama yang akan disentuh oleh pengkaji ialah ketinggian rumah tradisional tersebut. Rumah tradisional Melanau yang ada di Kampung Sok mempunyai ketinggian setinggi 10 meter dari permukaan tanah. Rumah ini dibina dengan ketinggian sedemikian kerana wujudnya masyarakat yang hidup berpuak-puak pada ketika itu. Selain daripada pergaduhan antara puak, rumah tradisional ini juga dibina sedemikian sebagai suatu persiapan apabila musim banjir tiba. Memandangkan majoriti masyarakat Melanau merupakan nelayan, rumah mereka kerap dibina berdekatan dengan sungai atau kawasan tanah yang rendah.



**Rajah 4.2.1** : Pandangan dari hadapan bawah Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)

Elemen yang seterusnya pula ialah penyusunan lantai rumah tradisional. Pada rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, lantainya sudah ditukar kepada sebuah lantai yang biasanya disusun iaitu stabil dan tidak berjarak melalui penggunaan kayu balau. Hal ini demikian kerana masyarakat Kampung Sok masih lagi aktif menggunakan rumah tradisional Melanau tersebut dan juga sedang dipelihara oleh pihak Muzium Sarawak. Memandangkan rumah tradisional Melanau tersebut masih lagi rancak menerima para pengunjung serta giat mengadakan majlis keramaian di rumah tradisional tersebut, bahagian tangga, balkoni dan sebahagian ruang ruai telah ditukar papan kayu kepada kayu balau. Untuk keselamatan para pengunjung dan masyarakat kampung, pihak yang bertanggungjawab telah mengambil langkah untuk membaik pulih 3 bahagian tersebut.



**Rajah 4.2.2** : Lantai Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok,  
Matu, Mukah

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)

Selain daripada lantai, elemen ciri-ciri senibina yang turut mengalami perubahan atau dalam erti kata lain usaha dalam mengekalkan kepenggunaan rumah tradisional tersebut ialah tangga rumah tradisional. Tangga yang ada pada rumah tradisional Melanau di Kampung Sok juga telah berubah. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, rumah tradisional Melanau di Kampung Sok masih lagi aktif digunakan oleh penduduk tempatan serta masih giat dalam menerima para pengunjung. Oleh yang demikian, tangga rumah tradisional Melanau di Kampung Sok telah mengalami perubahan senibinanya kerana keselamatan para penduduk dan juga pengunjung sangat dititikberatkan.



**Rajah 4.2.3** : Tangga Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok,  
Matu, Mukah

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)

Elemen ciri-ciri senibina rumah tradisional Melanau di Kampung Sok yang keempat pula, pengkaji akan menyentuh perihal jenis-jenis kayu yang digunakan dalam pembinaan rumah tradisional Melanau tersebut. Pada rumah tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, pengkaji telah mengenalpasti dua jenis kayu yang digunakan dalam pembinaan rumah tradisional tersebut. Dua jenis kayu yang digunakan ialah kayu belian dan kini dicampur dengan penggunaan kayu balau. Kayu belian yang ada pada rumah tradisional Melanau di Kampung Sok merupakan elemen yang masih lagi teguh bertaut setelah sekian lamanya rumah tersebut didirikan. Manakala kayu balau pula menjadi kayu untuk menggantikan beberapa aspek lain yang kian rapuh pada rumah tradisional tersebut seperti lantai dan tangga.



**Rajah 4.2.4** : Kayu belian yang masih dikekalkan dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)



**Rajah 4.2.5** : Kayu balau dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)

Di samping jenis kayu, pengkaji juga telah mencatatkan perkara seperti ruai yang ada pada rumah tradisional Melanau. Pada dasarnya, rumah tradisional Melanau tidak mempunyai ruai. Bahagian “ruai” yang disebut serta ada pada rumah tradisional

Melanau di Kampung Sok tersebut merupakan salah satu elemen senibina ruang yang ada pada rumah tradisional satu kaum lain yang terdapat di Sarawak. Kaum yang dimaksudkan ialah kaum Iban atau "*Sea-Dayak*". Kaum Iban ini adalah salah satu kaum terbesar yang ada di Sarawak. Oleh itu, tidak mustahil bagi pertembungan kaum atau asimilasi untuk berlaku di Sarawak. Kaum Iban ini terkenal dengan rumah tradisional mereka yang dibina secara memanjang. Ketika menganalisis senibina seni bina rumah tradisional Melanau tersebut, pengkaji mendapati bahawa rumah tradisional Melanau yang ada di Kampung Sok tersebut mempunyai sedikit ciri senibina rumah tradisional kaum Iban iaitu rumah panjang. Hal ini secara tidak langsung memberi bukti bahawa penduduk awal Kampung Sok dahulu adalah terdiri daripada 2 kaum tersebut.



**Rajah 4.2.6** : Bahagian rumah yang masih digunakan dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)





**Rajah 4.2.7** : Bahagian rumah yang tidak lagi digunakan dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah  
(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)

Apabila rumah dibina secara memanjang, maka bilik yang terdapat dalam rumah tradisional Melanau di Kampung Sok adalah lebih banyak. Seperti yang telah disebutkan tadi, rumah tradisional Melanau di Kampung Sok dibina secara memanjang. Oleh itu, rumah tersebut mampu menampung banyak bilik. Selepas kerja lapangan dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat 26 bilik dalam rumah tradisional Melanau di Kampung Sok. Seseengah bilik dihiasi dengan barang lama bagi memberi gambaran tentang suasana bilik pada zaman dahulu. Manakala bilik-bilik yang lain pula mengalami kerosakan dan hanya menunggu masa untuk dipulihara serta dipelihara sepenuhnya oleh pihak yang bertanggungjawab.



**Rajah 4.2.8** : Antara bilik yang terdapat dalam Rumah Tradisional Melanau Panjang di Kampung Sok, Matu, Mukah

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 22 September 2023)

#### **4.3 Mengenal pasti ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak.**

Seterusnya, pengkaji turut mengkaji ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching. Seperti objektif pertama, pengkaji akan menyatakan beberapa perkara berkenaan dengan ketinggian replika rumah tradisional, penyusunan lantai rumah tradisional, tangga, jenis kayu yang digunakan, kewujudan ruai dan bilangan bilik .

Ciri-ciri senibina replika rumah tradisional Melanau yang ada di Kampung Budaya melalui pemerhatian pengkaji ialah rumah tradisionalnya dibina tinggi-tinggi. Ketinggiannya mencecah kira-kira 13 hingga 14 meter tinggi dari tanah. Hal ini demikian kerana sering berlaku pergaduhan antara puak yang berbeza. Selain daripada pergaduhan antara puak, rumah tradisional ini dibina sedemikian sebagai suatu persiapan apabila musim banjir tiba. Memandangkan majoriti masyarakat Melanau merupakan nelayan pada suatu ketika dahulu, rumah mereka kerap dibina

berdekatan dengan sungai atau kawasan tanah yang rendah. Oleh itu, rumah mereka dibina tinggi bagi menjamin keselamatan para penghuni daripada serangan musuh dan juga persiapan untuk musim banjir. Antara sebab rumah dibina tinggi ini ialah supaya penghuni yang berada di dalam rumah tidak dijolok oleh musuh-musuh yang senyap-senyap memerangkap di bawah rumah.



**Rajah 4.3.1** : Pandangan dari sisi bawah Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya, Sarawak

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)

Di samping ketinggian rumah, rumah tradisional Melanau ini juga unik dari segi pembinaan dan penyusunan lantainya. Lantai rumah tradisional Melanau ini dibina lain daripada yang lain iaitu struktur susunan kayu serta kombinasi lantai nibongnya yang ganjil dapat dilihat. Susunan dan kombinasi kayu tersebut dilihat berkesan pada masa lalu dalam menghadapi musuh yang datang menyerang secara mengejut dari bawah rumah. Biarpun ganjil, pembinaan dan penyusunan lantai dengan kayu nibong ini mempunyai fungsi yang berkesan bagi membalas serangan hendap oleh pihak musuh. Hal ini demikian kerana penyusunan kayu nibong yang berjarak ini mampu

menyembunyikan pergerakan penghuni dalam rumah daripada musuh yang berada di bawah rumah. Melalui penyusunan kayu nibong yang tampak umum ini, musuh-musuh yang datang menyerang tidak mampu untuk melihat pergerakan penghuni di dalam rumah. Namun begitu, para penghuni rumah pula mampu untuk melihat mereka. Keadaan ini memudahkan penghuni dalam rumah tersebut untuk mempertahankan diri. Salah satu cara yang sering digunakan oleh mereka ialah dengan menyimbah air panas atau ambuyat panas ke atas musuh mereka yang berada di bawah rumah.



**Rajah 4.3.2** : Pandangan atas lantai beranda Rumah Tradisional Melanau Tinggi  
di Kampung Budaya

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)



**Rajah 4.3.3** : Pandangan atas lantai bahagian dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)

Pada waktu yang sama juga, tangga pada replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya juga mempunyai signifikansi dalam strategi mempertahankan penghuni di dalam rumah. Hal ini demikian kerana tangga replika rumah tradisional Melanau ini sangat curam dan kecil. Memandangkan rumah hanya mampu di naiki melalui pintu depan iaitu dengan tangga tersebut, tangga dibuat curam dan kecil dari kayu belian. Tangga dibuat curam dan kecil bagi mengelakkan pihak musuh menaiki rumah secara sekaligus atau serentak dalam menyerang penghuni di dalam rumah secara mengejut. Selain itu, tangga dibuat daripada kayu belian kerana kayu tersebut mempunyai daya ketahanan yang tinggi terutama sekali apabila musim banjir tiba.



**Rajah 4.3.4 :** Tangga Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya


(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)

Seterusnya, elemen yang akan disentuh adalah berkaitan dengan jenis kayu yang dipilih dalam pembinaan replika rumah tradisional tinggi Melanau di Kampung Budaya. Dalam membina replika rumah tradisional ini, 2 jenis kayu telah dapat dikenalpasti iaitu kayu belian dan kayu nibong. Kebanyakan bahagian replika rumah tradisional tersebut dibina dengan kayu belian. Kayu jenis ini sering dipilih dan digunakan pada zaman dahulu kerana kayu tersebut mempunyai daya ketahanan yang tinggi iaitu mampu untuk menempuhi cabaran alam semula jadi mahupun serangan musuh. Manakala kayu nibong pula digunakan untuk pembinaan bahagian lantai replika rumah tradisional tersebut. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, kayu nibong digunakan sebagai satu strategi untuk melihat musuh yang merancang untuk datang menyerang dari bawah rumah.



**Rajah 4.3.5** : Tiang kayu belian pada Rumah Tradisional Melanau Tinggi di  
Kampung Budaya


(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)



**Rajah 4.3.6** : Tiang kayu nibong pada Rumah Tradisional Melanau Tinggi di  
Kampung Budaya

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)

Ciri-ciri senibina kelima yang terdapat pada replika rumah tradisional tinggi Melanau yang ada di Kampung Budaya ialah reka bentuk ruainya yang pendek. Ruai atau ruang untuk para penghuni rumah berkumpul ini dibuat secara pendek sahaja. Tujuan ruang berkumpul tersebut dibuat pendek sahaja adalah kerana ruang tersebut hanya digunakan sebagai ruang untuk melakukan ritual berubat atau penyembahan. Bagi masyarakat etnik Melanau, mereka hanya fokus pada ritual penyembahan memandangkan mereka pada masa lalu mengamalkan animisme dan tidak mementingkan rumah yang memanjang ke tepi. Namun begitu, mereka lebih cenderung untuk membina rumah mereka memanjang ke belakang.



**Rajah 4.3.7 :** Ruang berkumpul atau ruai dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)





**Rajah 4.3.8 :** Ruang ritual dan penyembahan dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di Kampung Budaya

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)

Elemen yang terakhir ini mempunyai kaitan dengan elemen yang telah disentuh tadi. Memandangkan masyarakat Melanau cenderung untuk membina rumah mereka memanjang ke belakang, maka bilangan bilik yang terdapat dalam replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya adalah sedikit. Hal ini demikian kerana masyarakat Melanau lebih gemar untuk duduk beramai-ramai dalam suatu bilik bagi mengelakkan daripada penghuni lain dalam rumah tersebut terdedah kepada bahaya yang datang secara tiba-tiba terutama sekali daripada bawah rumah. Oleh itu, replika rumah tradisional tinggi Melanau ini dibuat memanjang ke belakang dan bukannya memanjang ke tepi.





**Rajah 4.3.9 :** Bilik yang terdapat dalam Rumah Tradisional Melanau Tinggi di  
Kampung Budaya

(Sumber : Gambar diambil oleh pengkaji pada 27 April 2023)

**4.4 Menganalisis perbandingan senibina yang diperolehi antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah dengan replika rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching.**



Pada bahagian ini, pengkaji akan membuat perbandingan melalui jadual bergambar. Hal ini demikian bagi memudahkan pengkaji serta pembaca untuk melihat perbandingan secara bersebelahan antara rumah tradisional Melanau di Kampung Sok, Matu, Mukah dengan rumah tradisional Melanau di Kampung Budaya, Kuching.

Elemen/ Bahagian	Rumah Tradisional Panjang Melanau, Kampung Sok, Matu, Mukah	Rumah Tradisional Tinggi Melanau, Kampung Budaya, Kuching
Tinggi Tiang	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● 10 meter</li> </ul>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● 13 hingga 14 meter</li> </ul>

Jadual 4.4.1 : Ketinggian tiang kedua-dua rumah tradisional Melanau yang dikaji

Elemen/ Bahagian	Rumah Tradisional Panjang Melanau, Kampung Sok, Matu, Mukah	Rumah Tradisional Tinggi Melanau, Kampung Budaya, Kuching
Lantai	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kayu balau disusun secara biasa</li> </ul>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Susunan kayu nibong berjarak</li> </ul>

Jadual 4.4.2 : Keadaan lantai kedua-dua rumah tradisional Melanau yang dikaji

Elemen/ Bahagian	Rumah Tradisional Panjang Melanau, Kampung Sok, Matu, Mukah	Rumah Tradisional Tinggi Melanau, Kampung Budaya, Kuching
Tangga	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Daripada kayu balau</li> <li>● Disusun seperti biasa</li> </ul>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Daripada kayu belian</li> <li>● Kecil dan curam</li> </ul>

Jadual 4.4.3 : Bentuk tangga kedua-dua rumah tradisional Melanau yang dikaji

<p>Elemen/ Bahagian</p>	<p>Rumah Tradisional Panjang Melanau, Kampung Sok, Matu, Mukah</p>	<p>Rumah Tradisional Tinggi Melanau, Kampung Budaya, Kuching</p>
<p>Jenis Kayu</p>	<div data-bbox="454 488 898 728" data-label="Image"> </div> <p>Put another pic</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kayu Balau</li> <li>● Kayu Belian</li> </ul>	<div data-bbox="949 488 1390 728" data-label="Image"> </div> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kayu Nibong</li> <li>● Kayu Belian</li> </ul>

Jadual 4.4.4 : Jenis kayu yang digunakan pada kedua-dua rumah tradisional Melanau yang dikaji

<p>Elemen/ Bahagian</p>	<p>Rumah Tradisional Panjang Melanau, Kampung Sok, Matu, Mukah</p>	<p>Rumah Tradisional Tinggi Melanau, Kampung Budaya, Kuching</p>
<p>Ruai</p>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Panjang</li> <li>● Ruang digunakan untuk berkumpul bersama penghuni rumah</li> </ul>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pendek</li> <li>● Ruang digunakan untuk berkumpul bagi menjalankan upacara ritual</li> </ul>

Jadual 4.4.5 : Bahagian ruai atau ruang berkumpul dalam kedua-dua rumah tradisional

Melanau yang dikaji

## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Dalam bab yang terakhir ini, pengkaji telah memecahkan bab ini kepada 3 bahagian iaitu cadangan, cadangan untuk kajian yang akan datang dan rumusan. Bagi bahagian pertama, bahagian cadangan merupakan suatu rancangan yang dapat pengkaji tentukan untuk memberi lebih pendedahan terhadap sejarah dan senibina kedua-dua rumah tradisional Melanau yang ada di Sarawak berdasarkan analisis yang telah dilakukan. Seterusnya, ialah bahagian cadangan untuk kajian yang akan datang. Bagi bahagian ini, pengkaji akan mencadangkan beberapa perkara yang boleh dijadikan sebagai fokus untuk kajian yang akan datang. Bahagian rumusan pula merujuk kepada rumusan objektif yang telah pengkaji kenalpasti sebelum ini.

#### **5.2 Cadangan**

Seperti yang kita sedia maklum, rumah tradisional Melanau ini wajar dipelihara terutama sekali rumah tradisional Melanau yang ada di Kampung Sok. Bagi meneruskan pengekalan kedua-dua rumah tradisional Melanau ini, pihak kerajaan hendaklah aktif dalam memberi kerjasama untuk memelihara kedua-dua rumah tradisional Melanau tersebut samada melalui bantuan kewangan mahupun bantuan dari segi penghormatan seperti mempromosikan kedua-dua rumah tradisional Melanau tersebut dalam pelancongan.

Selain itu, pihak kerajaan juga dapat membantu mengangkat kedudukan Kampung Sok di peta Sarawak. Bagi memastikan rumah tradisional Melanau yang ada di Kampung Sok terus dipelihara, pihak kerajaan dan tempatan boleh

mempromosi barangan tempatan di samping keunikan lain yang ada di sekitar kawasan kampung berkenaan. Memandangkan terdapat perkampungan lain di sekitar kampung tersebut, para pelancong dapat meneroka kawasan sekitar. Tambahan pula, kampung tersebut berdekatan dengan 2 buah bandar kecil iaitu Daro dan Matu. Dalam kedua-dua bandar kecil tersebut, terdapat pelbagai jenis tarikan yang lain terutama sekali dalam konteks makanan seperti ikan-ikan segar, tebaloi, sagu dan ambuyat.

### **5.3 Cadangan untuk Kajian Akan Datang**

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji mendapat ilham mengenai kajian-kajian yang boleh dikaji oleh bakal pengkaji pada masa yang akan datang. Antara kajian lain yang boleh dijadikan sebagai kajian ialah penyelidikan mengenai undang-undang yang boleh membantu dalam pemeliharaan bangunan warisan lain yang ada di Sarawak. Bagi kajian ini, pengkaji tidak perlu terikat kepada suatu bangunan warisan atau rumah tradisional lain. Hal ini demikian kerana di seluruh Sarawak, terdapat monumen lain yang penting dan terbiar begitu sahaja. Malah ada diantara monumen ini tidak diketahui sebab pembinaannya memandangkan masyarakat setempat hanya menceritakan mengenai perkara tersebut melalui bualan harian tanpa ada sebarang rekod.

Selain itu, pengkaji yang akan datang juga boleh membuat kajian terhadap senibina rumah tradisional lain di Sarawak. Seperti sedia maklum, kebanyakan rumah tradisional yang ada di Sarawak secara perlahan-lahan hilang identiti asalnya kerana berlakunya perubahan dalam seni bina rumah-rumah tersebut. Sebagai contoh, kebanyakan masyarakat etnik Iban masih lagi banyak membina rumah panjang. Namun begitu, rumah panjang yang dibina mempunyai perubahan dari segi bahan dan reka bentuk kerana berlakunya proses pemodenan.



#### 5.4 Rumusan

Secara keseluruhan, 2 kawasan ini iaitu Kampung Budaya, Kuching dan Kampung Sok, Matu, Mukah mempunyai satu signifikasi dalam mempersembahkan rumah tradisional Melanau di Sarawak. Hal ini demikian kerana rumah tradisional tersebut mempunyai keistimewaan mereka yang tersendiri berdasarkan tempat rumah tradisional tersebut dibina.

Dalam erti kata lain, masing-masing mempunyai nilai warisan mereka yang tersendiri. Kewujudan rumah tradisional terutama di Kampung Sok membuktikan bahawa Sarawak mempunyai etnik yang telah melalui asimilasi. Hal tersebut juga dapat menunjukkan keharmonian yang ada di Sarawak walaupun berlainan latar belakang etnik. Justeru, lokasi-lokasi ini perlu dipelihara dengan baik agar generasi akan datang dapat lagi melihat 2 versi bentuk asal rumah tradisional masing-masing.

**RUJUKAN**

- Aslinah, N. (2022b). *PENGARUH SENI BINA PADA BANGUNAN WARISAN ISTANA JAHAR NURUL ASLINAH BINTI ASLI*.  
<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3747/1/NURUL%20ASLINAH%20BINTI%20ASLI%20C18A0345.pdf>
- Bolhassan, R. (2014b). *Rahsia Rumah Panjang Sok*. Pelangi ePublishing Sdn Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.-b). *Carian Umum*. Prpm.dbp.gov.my.  
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=metodologi&d=226112&#LIHATSI>  
 NI
- Google Maps. (n.d.-b). *Bintangor · Sarawak, Malaysia*. Bintangor · Sarawak, Malaysia. Retrieved July 15, 2023, from  
<https://www.google.com/maps/place/Bintangor>
- Google Maps. (n.d.-d). *Google Maps*. Google Maps. Retrieved July 15, 2023, from  
<https://www.google.com/maps/dir/Kuching>
- Halim Nasir, A., & Wan Teh, H. H. (1996b). *The Traditional Malay House*. Fajar Bakti.
- Hayati, N., Kamil Yunus, S., & Surat, M. (2016b). *REKA BENTUK RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN DIPENGARUHI OLEH ADAT DAN KEDAERAHAN MALAYSIA 2 Politeknik Port Dickson, MALAYSIA 3*.  
[http://eprints.usm.my/38782/1/FULL\\_PAPER\\_035.pdf](http://eprints.usm.my/38782/1/FULL_PAPER_035.pdf)
- Hj. Ab Hamid, N. (2016b, January). *VARIAN MELANAU SARAWAK: TINJAUAN DI MELANAU MUKAH* (R. Aman, Ed.). Researchgate.  
[https://www.researchgate.net/publication/321758724\\_VARIAN\\_MELANAU\\_SARAWAK\\_TINJAUAN\\_DI\\_MELANAU\\_MUKAH](https://www.researchgate.net/publication/321758724_VARIAN_MELANAU_SARAWAK_TINJAUAN_DI_MELANAU_MUKAH)

- Izwan Drahman, M. F. (2021b, July 27). *Warisan Rumah Panjang Melanau Islam Kampung Sok – Malaysiaaktif*. Malaysia Aktif. <https://malaysiaaktif.my/2021/07/warisan-rumah-panjang-melanau-islam-kampung-sok/>
- Latip, K. (2017b, January 30). *Warisan Rumah Panjang Melanau kekal terpelihara*. BeritaHarian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/241536/warisan-rumah-panjang-melanau-kekal-terpelihara>
- Melanau Borneo. (2016b, March 26). *Melanau Borneo: Melanau, Tiada Seuniknya*. Melanau Borneo. <http://melanauborneo.blogspot.com/2016/03/melanau-tiada-seuniknya.html>
- Mohd Sahabuddin, M. F. (Ed.). (2016b). *Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti – MajalahSains*. Majalah Sains. <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>
- Oxford Learner's Dictionary. (2022b). *architecture noun - Definition, pictures, pronunciation and usage notes | Oxford Advanced Learner's Dictionary at OxfordLearnersDictionaries.com*. Oxfordlearnersdictionaries.com. <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/architecture?q=a-architecture>
- Sulaiman, M., & Nazir Ahmad, M. (2021b). *CABARAN KESINAMBUNGAN WARISAN SENI BINA RUMAH TRADISIONAL MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA: SOLUSI KE ARAH MEMARTABATKAN SENI BUDAYA WARISAN KETAMADUNAN MELAYU The Challenges of Preserving The Heritage of Traditional Malay Home Architecture in Peninsula Malaysia: Solution towards Upgrading Cultural Heritage of Malay Civilization*.

<https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/16114/1/Cabaran%20Kesinambungan%20Warisan%20Seni%20Bina%20Rumah%20Tradisional%20Melayu%20Di%20Semenanjung%20Malaysia.pdf>

Ugong, N. A. binti, & Bala, B. (2017b). WARISAN BUDAYA KETARA: PERANAN KAMPUNG BUDAYA SARAWAK. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 1(1), 9–24.

<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1250/806>

Utusan Borneo. (2019b, May 17). *Rumah panjang Melanau tunggal di Matu perlu dimartabat*. [www.utusanborneo.com.my](http://www.utusanborneo.com.my). <https://www.utusanborneo.com.my/2019/05/17/rumah-panjang-melanau-tunggal-di-matu-perlu-dimartabat>